

# Komited dengan Regatta Lepa

► UMS terbabit secara langsung dalam program berkenaan sejak 2010

UB 30.4.2014 B1

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) membabitkan diri dalam Regatta Lepa Semporna sejak 2010.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, penglibatan itu sebagai tanda komitmen UMS dalam memartabatkan kebudayaan dan kesenian suku kaum di Sabah.

Katanya, ia juga memberi peluang kepada para pelajar UMS terutamanya dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan



Labuan untuk berkongsi kebudayaan.

“UMS akan terus memberikan komitmen pada Regatta Lepa pada masa akan datang,” katanya.

Harun turut mengucapkan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Induk Regatta Lepa 2014 kerana berjaya menganjurkan acara tahunan itu dengan sempurna dan meriah.

Sementara itu Pengarah USKAL Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, pada tahun ini UMS tidak menyertai pertandingan lepa cantik tetapi hanya membuat pameran dan penjualan buku

“Penglibatan itu sebagai tanda komitmen UMS dalam memartabatkan kebudayaan dan kesenian suku kaum di Sabah. Ia juga memberi peluang kepada para pelajar UMS terutamanya dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Labuan untuk berkongsi kebudayaan.”

**PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH**  
Naib Canselor UMS

terbitan UMS untuk para pengunjung.

Katanya, UMS juga bekerjasama dengan persatuan bas pelancong Malaysia (BASPEL) membuat rekod *Malaysia Book of Records* dan berjaya mengumpulkan sebanyak 324 lepa dan dapat pengiktirafan.

“UMS akan membawa pelajar terutama dari Semenanjung, Sarawak dan Labuan mengikuti pertandingan lepa cantik lagi pada tahun 2015,” katanya.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada pemimpin tempatan terutama Tun Sakaran Dandai yang menjadi



DR ISMAIL

pelopor penganjuran Regatta Lepa yang saban tahun menjadi daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negara untuk menyaksikan keunikan tradisi kebudayaan masyarakat Semporna.

Malah katanya, warga Semporna seharusnya berbangga kerana memiliki pemimpin seperti Ahli Parlimen Semporna Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Dato' Sri Nasir Tun Sakaran yang sentiasa memastikan penganjuran acara itu berjalan lancar dan berjaya menjana ekonomi dan industri pelancongan tempatan.



**PERTANDINGAN** Regatta Lepa Semporna menampilkan kebudayaan masyarakat Semporna.